

MAHATHIR-KOLAR BIRU

1984
BANGI, 8 APRIL (BERNAMA) - - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU INGIN MELIHAT SATU HARI NANTI PARA PEKERJA BERKOLAR BIRU DI NEGARA INI MENDAPAT TARAF YANG SAMA MALAHAN LEBIH LAGI DARI PEKERJA BERKOLAR PUTIH.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH DEMIKIAN, RAKYAT NEGARA INI HENDAKLAH MENGUBAH SIKAP DAN TIDAK MEMANDANG HINA KEPADA PEKERJA BERKOLAR BIRU.

+SEBENARNYA KITA DI NEGARA INI TIDAK MELIHAT KEPADA PEKERJAAN BERKOLAR BIRU. KEBANYAKAN DARI KITA MASIH BERMINAT HENDAK MENJADI KERANI DIPEJABAT DAN LAIN-LAIN PEKERJAAN BERKOLAR PUTIH.

+KITA PAYUT MEMANDANG TINGGI DAN TIDAK PATUTU MENGHINA SEBARANG JENIS PEKERJAAN ASALKAN PEKERJAAN. ITU HALAL+, TEGASNYA SEMASA HELANCARKAN KOPERASI PEMBANGUNAN NASIONAL DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI S I N S .

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MENGHORMATI SEMUA, PEKERJAAN DAN MAHU SEMUA PEKERJA BENAR-BENAR BEKERJA RAJIN DALAM SEMUA BIDANG YANG DICEBURI.

--LAGI 1520/AN

MAHATHIR-KOLAR BIRU 2 BANGI

PERKARA ITU TIMBUL A P A B I L A PERDANA MENTERI, DALAM UCAPAN PEMBUKAAN NYA BERKATA BELIAU GEMAR MELIHAT RAMAI ANGGOTA BERBAGAI-BAGAI KOPERASI YANG MENGHADIRI UPACARA HARI INI MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM BIRU YANG DIPERKENALKANNYA KEPADA KABINETNYA.

BELIAU BIASANYA MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM ITU SEMASA MEMBUAT TUGAS LUAR OAN HARI INI BELIAU JUGA MEMAKAI PAKAIAN ITU.

PAKAIAN SERAGAM ITU MULA DIPAKAI OLEH MENTERI-MENTERI KABINET, TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA-SETIAUSAHA PARLIMEN SEMASA PERAYAAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 1982 SEBAGAI LAMBANG MASYARAKAT BARU PERINDUSTRIAN MALAYSIA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR BELIAU PERNAH DITANYA MENGAPA BELIAU BERMINAT MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM ITU SEDANGKAN ITU HERUPAKAN PAKAIAN SERAGAM PEKERJA.

BELIAU MENJELASKAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM BUKAN CUMA UNTUK PEKERJA TETAPI IA PATUT DIPAKAI OLEH SEMUA BAGI MENCERMINKAN NEGARA INI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN YANG MEMPUNYAI MATLAMAT BEKERJA KUAT.

+OLEH DEMIKIAN, SEMUA ORANG BOLEH MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM DAN TIDAK HARUS MEMANDANG HINA KEPADA PEKERJAAN YANG BERPAKAIAN SERAGAM.

+PAKAIAN SERAGAM BERWARNA BIRU YANG SAYA REKA UNTUK KABINET INI JUGA BOLEH DIPAKAI OLEH SEMUA DAN TIDAK EKSklusif BAGI KAMI SAJA+.

--BERNAMA 1539/AN